

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/26 (7)

29 Julai 2020
9 Zulhijah1441

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2020

**PENGECCUALIAN PENGELUARAN PESANAN TEMPATAN BAGI PEROLEHAN
BERMASA PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN YANG TIDAK MELALUI
PROSES/KAEDAH PEROLEHAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga 'A' Bil. 5/2020 bertarikh 21 Jun 2020 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2020 iaitu Pengecualian Pengeluaran Pesanan Tempatan Bagi Perolehan Bermasa Perkhidmatan Dan Pembayaran Yang Tidak Melalui Proses/Kaedah Perolehan.

2. Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkaitan pengecualian pengeluaran Pesanan Tempatan (PT) bagi perolehan perkhidmatan bermasa/fasa selepas Surat Setuju Terima (SST) dan Kontrak dikeluarkan kepada syarikat. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak adalah melebihi (4) bulan. **Perolehan perkhidmatan yang tidak bermasa/fasa masih perlu dikeluarkan PT.** Contoh perolehan perkhidmatan bermasa/fasa adalah:

- 2.1 Kontraktor pencucian bangunan dan landskap
- 2.2 Kontraktor berkaitan penyelenggaraan
- 2.3 Kontraktor pencucian pendobian
- 2.4 Sewaan mesin fotostat
- 2.5 Lain-lain perolehan perkhidmatan berfasa/masa.

3. Bagi tujuan bayaran, Pemohon atau PTJ yang bertanggungjawab perlu kemukakan dokumen berikut kepada Unit Bayaran setiap kali ingin membuat bayaran kepada syarikat:

- 3.1 Minit bebas Jadual bayaran Interim seperti dilampiran A
- 3.2 Invois
- 3.3 Salinan Surat Setuju Terima
- 3.4 Dokumen lain jika perlu

4. Pembayaran perkhidmatan kepada Badan Profesional dan bayaran yang tidak melalui proses/kaedah perolehan semasa juga tidak perlu dikeluarkan PT. Pembayaran ini tidak perlu disediakan minit bebas jadual bayaran interim. Berikut adalah senarai bayaran tersebut :

- 4.1 Audit luar
- 4.2 Audit SIRIM
- 4.3 Bayaran MQA bagi tujuan Akreditasi Subjek
- 4.4 Bayaran Servis Kenderaan – Bagi pembaikan kecemasan sahaja
- 4.5 Bayaran Pencucian Dobi Jubah Konvokesyen
- 4.6 Bayaran kepada Panel Peguam
- 4.7 Bayaran Pemfailan hak cipta/paten oleh ICC
- 4.8 Keahlian Badan Professional
- 4.9 Kupon makanan di Scholars' Inn
- 4.10 Majlis Makan Malam tajaan badan Korporat bagi mempromosi UTM
- 4.11 Kemudahan kesihatan seperti Klinik Panel, Hospital, Perubatan kursus, Hemodialisis, IJN, Alatan bantuan kesihatan (Ortopedik, Bantuan Pernafasan, Pendengaran dan lain.

5. Implikasi dari segi teknikal atau dalam sistem UTMFIN, memandangkan pengecualian pengeluaran PT, maka pembayaran akan dibuat menggunakan '*Bill Invoice*'.

6. Sehubungan dengan itu, Pemohon dan PTJ yang bertanggungjawab diminta mengambil maklum mengenai pemakaian surat pekeliling ini dan maklumat lanjut berhubung pekeliling ini adalah sepertimana lampiran atau dimuat turun melalui <https://bursary.utm.my/pekeliling>. Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2020 ini berkuatkuasa bermula **3 Ogos 2020**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)
Bendahari
Universiti Teknologi Malaysia

s.k.

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)

Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh

Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

MINIT BEBAS

Kepada :
Unit Bayaran, JBUTM

Daripada : **(PTJ)**

Tarikh :

Tuan,

JADUAL BAYARAN INTERIM BAGI SEBUTHARGA/TENDER.

SEBUTHARGA/ TENDER BAGI PERKHIDMATAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR

NO. SURAT SETUJU TERIMA : SSTXXX
NAMA SYARIKAT :
JUMLAH PEROLEHAN : RM.....

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa syarikat ingin menuntut bayaran interim..... (nyatakan bilangan ke berapa) sebanyak RM..... bagi perkhidmatan yang telah diterima. Jadual bayaran interim adalah seperti berikut:

BIL.	BAYARAN INTERIM	NO. INVOIS	JUMLAH (RM)	BAKI (RM)
JUMLAH PEROLEHAN SEBENAR PADA SST				300,000.00
1	BAYARAN PERTAMA (MAC 2020)	00096	30,000.00	270,000.00
2	BAYARAN KEDUA (APRIL 2020)	00101	26,000.00	244,000.00
3	BAYARAN KETIGA (MEI 2020)			
BAKI JUMLAH PEROLEHAN				244,000.00

3. Pihak saya telah membuat semakan dan bersetuju bayaran berjumlah RM.....dibuat kepada syarikat seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,

.....
(Nama & Jawatan)

UTM Johor Bahru, Johor.

☎ : 07-.....